

25 APR 2001

Sabah-Landasan

KERAJAAN PERSEKUTUAN LULUS RM28.5 JUTA KEPADA KERETAPI NEGERI SABAH

KUALA LUMPUR, 25 April (Bernama) -- Kerajaan Persekutuan hari ini meluluskan peruntukan sebanyak RM28.5 bagi membantu Keretapi Negeri Sabah memperbaiki dan mempertingkatkan keadaan landasan kereta api di negeri itu.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam lawatannya ke Sabah baru-baru mendapati landasan sejauh 135 kilometer menghubungkan Kota Kinabalu dengan Beaufort dan Tenom berpotensi besar dimajukan sebagai tarikan pelancongan.

"Bagaimanapun, keadaan landasan adalah uzur dan Perdana Menteri meminta Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) menghantar jurutera menilai keadaan itu," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat kementerian di sini.

Beliau berkata KTMB menghantar sepasukan jurutera dan menyediakan cadangan membaikpulih landasan itu kepada kementerian yang kemudiannya dikemukakan kepada Kabinet untuk kelulusan.

Dr Ling berkata, sebagai permulaan, Kabinet bersetuju meluluskan RM28,570,000 kepada Keretapi Negeri Sabah untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan selain mengatasi masalah kewangan jabatan itu.

"Kerja-kerja pembaikan akan dijalankan oleh orang Sabah sendiri dengan pemantauan akan dibuat oleh Kerajaan Pusat," katanya sambil menjelaskan kerja-kerja pembaikan akan disiapkan dalam tempoh 12 sehingga 14 bulan.

Beliau juga berkata Kementerian Pengangkutan telah mengemukakan cadangan kepada Kerajaan Negeri Sabah bagi membantu memperbaiki perkhidmatan di pelabuhan-pelabuhan di Sabah.

Beliau berkata kebanyakan pelabuhan di Sabah tidak mempunyai peralatan yang lengkap untuk mengendalikan kargo.

Beliau berkata cadangan itu disambut baik oleh Timbalan Ketua Menteri Sabah Datuk Wences Angang apabila Angang mengunjungi beliau baru-baru ini dan satu pasukan dari Lembaga Pelabuhan Klang telah dihantar ke Sabah untuk menjalankan kajian mengenai perkara itu.

Mengenai pemilihan Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) sebagai lapangan terbang terbaik di dunia selepas Lapangan Terbang Chek Lap Kok di Hong Kong, beliau mengucapkan tahniah kepada Malaysia Airport Berhad bagi tugas yang cemerlang.

Pemilihan itu dibuat oleh Skytrax Research, sebuah syarikat industri penerbangan udara British.

Dr Ling juga berkata beliau akan melawat China dari 27 hingga 29 April bagi menarik syarikat-syarikat penerbangan China menjadikan KLIA sebagai satu daripada destinasiya.

"Saya akan menemui Menteri Pengangkutan China dan berbincang dengan beliau mengenai perkara itu," katanya sambil menjelaskan China mempunyai lebih tujuh syarikat penerbangan tetapi hanya dua syarikat penerbangan, Air China dan China Southern Airline singgah di KLIA.

-- BERNAMA

AT AHH FAZ